

SAFE KIDS MALAYSIA UPM DIKTIRAF

Idea penggunaan topi keledar dalam kalangan kanak-kanak

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi anugerah berprestij Prince Michael International Road Safety Award 2017 hasil kejayaan program 'Motorcycle Child Helmet' yang dijalankan di sekolah rendah di Selangor.

Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia, Prof Madya Dr Kulanthayan K C Mani menerima anugerah itu daripada Putera Michael dari Kent, di The Savoy, London.

Majlis turut dihadiri Wakil Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Profesor Madya Dr Zainal Abidin Sanusi (Kaunselor Pendidikan Menteri) dan


Dekan FPSK, Profesor Datuk Dr Abdul Jalil Nordin.

Safe Kids Malaysia UPM ialah anggota Safe Kids Worldwide USA dan Global Alliance of NGOs on Road Safety di platform antarabangsa.

Sementara di peringkat dalam negara pula bertindak sebagai anggota Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR).

Pada 2016 Safe Kids Malaysia UPM melaksanakan pendekatan berkaitan Inisiatif 'Motorcycle Child Helmet' di Selangor.

Inisiatif itu memberikan impak positif dengan peningkatan penggunaan topi keledar dalam kalangan kanak-kanak yang menaiki motosikal dalam setahun dari



DR KULANTHAYAN menunjukkan anugerah yang diterima.

3.6 peratus kepada 35.5 peratus selepas dilaksanakan.

Pada masa sama, penggunaan topi keledar dalam kalangan dewasa yang menaiki motosikal turut meningkat dari 75.6 peratus kepada 87.3 peratus.

Pengarah Prince Michael International Safety Awards Program Adrian Walsh berkata, Putera Michael sudah meluluskan perakuan Panel Penilai bahawa Safe Kids Malaysia UPM wajar menerima anugerah berkenaan.

Ia berdasarkan usaha ideal yang dilakukan Safe Kids Malaysia UPM yang membolehkan maklumat dan pengetahuan disampaikan hingga memberikan kesan positif dengan peningkatan penggunaan topi keledar.

Naib Canselor UPM Prof

Datin Paduka Dr Aini Ideris bersyukur atas kejayaan cemerlang Safe Kids Malaysia UPM yang berpangkalan di FPSK dalam menyumbangkan program jaringan komuniti berkenaan.

Jelasnya ia sekali gus menambah dan memperkukuhkan pengetahuan masyarakat berkenaan keselamatan jalan raya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Datuk Rosli Isa mengucapkan tahniah kepada Safe Kids Malaysia UPM atas kejayaan berkenaan selain menghargai kerjasama yang dijalin dengan JKJR dalam Inisiatif 'Motorcycle Child Helmet' itu.